



Universiti Malaysia Terengganu

GARIS PANDUAN PEMANTAUAN DANA PENYELIDIKAN

**EDISI 5
| PINDAAN TAHUN 2024 |**



Pejabat Pengurusan Penyelidikan
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



ISI KANDUNGAN
GARIS PANDUAN PEMANTAUAN DANA PENYELIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENGENALAN		3
PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN		
- Pelaksanaan Penyelidikan		3
- Pemantauan Berjadual Bagi Projek Aktif		4
- Pemantauan Tidak Berjadual		5
- Laporan Prestasi		5
- Laporan Akhir		7
- Kemaskini Hasil Penyelidikan		9
PENCAPAIAN HASIL PENYELIDIKAN		
- Hasil Kesarjanaan Penyelidikan		10
- Serahan Penyelidikan		12
- Impak Kepada Quadruple Helix		13
- Data / Aset Penyelidikan		13
KAWALAN DAN PENALTI		
- Penamatan Projek (Sebelum Tarikh Projek Tamat)		14
- Penangguhan Projek		15
- Penahanan Geran		15
PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB		16
INTEGRITI DAN ETIKA PENYELIDIKAN		17
CARTA ALIR PEMANTAUAN		19
LAMPIRAN		22
BORANG - BORANG		24

PENGENALAN

1. Garis Panduan Pemantauan Dana Penyelidikan di Universiti Malaysia Terengganu ini disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi tatacara pengurusan pemantauan projek penyelidikan Dana Penyelidikan UMT (DP-UMT) dan Dana Penyelidikan KPT (DP-KPT) di bawah tadbir urus Pejabat Pengurusan Penyelidikan (PPP), Universiti Malaysia Terengganu.
2. Untuk pengurusan pemantauan projek penyelidikan DP-KPT, Garis Panduan ini perlu dibaca bersama dengan Tadbir Urus Dana Penyelidikan KPT.
3. Garis Panduan Kali Pertama telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Universiti (JKPU) Kali Ke-51 Bil. 3 Tahun 2019, manakala Garis Panduan Pindaan Ke-2 dan Ke-3 telah diluluskan oleh JKPU Kali Ke-55 Bil. 4 Tahun 2020 dan JKPU Kali Ke-63 Bil. 1 Tahun 2022. Pindaan Ke-4 Garis Panduan ini telah diluluskan pada JKPU Kali Ke-67 (Bil.1/2023) dan pindaan Ke-5 telah diluluskan pada JKPU Kali Ke 72 (Bil.1/2024).

PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN

PELAKSANAAN PENYELIDIKAN

4. Projek penyelidikan perlu dilaksanakan bermula pada tarikh yang ditetapkan oleh pemberi dana dan hendaklah mengikut kertas cadangan penyelidikan (full proposal) yang telah diluluskan. Ketua projek perlu mematuhi peraturan dan syarat geran yang diterima serta lain-lain ketetapan daripada pemberi dana.
5. Untuk projek penyelidikan yang melibatkan gabungan dana daripada UMT dan pihak luar seperti IPRG dan PPRG, pelaksanaan projek boleh dipertimbangkan untuk dimulakan lebih awal tanpa menunggu kelulusan daripada UMT. Ketua Projek perlu mengemukakan surat kebenaran pemberi dana untuk maksud tersebut.
6. Ketua Projek perlu memastikan sebarang perubahan terhadap kertas cadangan penyelidikan mematuhi tadbir urus yang telah ditetapkan oleh pemberi dana.
7. Pemantauan bagi setiap projek penyelidikan perlu mematuhi semua kaedah pemantauan yang telah ditetapkan oleh PPP/KPT.

PEMANTAUAN BERJADUAL BAGI PROJEK AKTIF

8. Setiap projek penyelidikan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang projek aktif. Penghantaran laporan prestasi bagi projek **melebihi satu (1) tahun dilaksanakan setiap enam (6) bulan** manakala penghantaran laporan prestasi bagi projek **kurang satu (1) tahun dilaksanakan satu (1) kali sahaja** di dalam tempoh tersebut.

9. Pemantauan berjadual seperti di bawah;

Pemantauan	Fasa Mac	Fasa Jun	Fasa Sept	Fasa Dis
DP-UMT		Pencapaian prestasi yang diukur dari Oktober tahun sebelum sehingga Mac tahun dinilai		Pencapaian prestasi yang diukur dari April tahun dinilai sehingga September tahun dinilai
DP-KPT	Pencapaian prestasi yang diukur dari Julai sehingga Disember tahun sebelum		Pencapaian prestasi yang diukur dari Januari sehingga Jun tahun dinilai	

10. Walau bagaimanapun, pemantauan yang dinyatakan pada para 12 adalah tertakluk kepada perubahan.
11. Kaedah pemantauan DP-UMT adalah melalui penghantaran Borang Laporan Prestasi Penyelidikan atau Borang Laporan Akhir atau Borang Kemaskini Hasil Penyelidikan ke PPP. Manakala kaedah pemantauan DP-KPT adalah melalui sistem MyGrants.
12. Pemantauan prestasi penyelidikan berdasarkan kepada aspek berikut;
- Prestasi Carta Perbatuan (*Milestone*);
 - Prestasi Perbelanjaan; dan
 - Bakat (GRA/RA) jika disenaraikan sebagai KPI perlu dibuat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh mula projek penyelidikan.

13. Pemantauan laporan akhir penyelidikan/hasil penyelidikan berdasarkan kepada aspek berikut;
 - d) Bakat (GRA) - bergraduasi
 - e) Penerbitan – hasil penerbitan
 - f) Harta Intelek- pendaftaran harta intelek di MyIPO/ICC
14. Bagi pemantauan **projek penyelidikan yang telah tamat**, proses pemantauan jangkaan hasil penyelidikan (KPI) adalah di dalam tempoh **dua (2) tahun selepas projek tamat**. Pencapaian KPI adalah seperti penerbitan, bakat, harta intelek dan indikator-indikator lain yang ditetapkan oleh pemberi dana.
15. Proses pemantauan bagi projek aktif atau projek tamat akan dinilai terlebih dahulu oleh PPP. Bagi keputusan **Kurang Memuaskan** atau **Bermasalah** akan dilakukan pemantauan seterusnya secara bersemuka atau atas talian oleh panel penilai yang dilantik oleh PPP (sekiranya perlu).
16. Semasa proses pemantauan dilakukan, Ketua Projek perlu hadir dan sekiranya beliau tidak dapat hadir perlu diganti dengan penyelidik bersama.

PEMANTAUAN TIDAK BERJADUAL

17. Setiap projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan tidak berjadual mengikut ketetapan dan keperluan PPP serta pemberi dana seperti berikut;
 - a) Lawatan tapak dan pengauditan;
 - b) Pelaporan semula berdasarkan syor dan keperluan mengikut syarat yang ditentukan oleh juru audit kepada JKPU.
18. PPP berhak menjemput Ketua Projek untuk pelaporan tidak berjadual melalui apa-apa kaedah yang bersesuaian seperti pembentangan projek penyelidikan.

LAPORAN PRESTASI

19. Ketua Projek bertanggungjawab untuk melengkapkan dan menghantar **Borang Laporan Prestasi Penyelidikan** bagi proses pemantauan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh PPP. Borang tersebut merangkumi;
 - a) Kemajuan prestasi aktiviti/carta perbatuan;
 - b) Prestasi Kewangan;
 - c) Bakat GRA (surat tawaran pengajian, surat pendaftaran pengajian dan surat lantikan GRA dari PPP) atau Bakat RA (Surat lantikan RA dari PPP);
 - d) Keberhasilan penyelidikan/output; dan
 - e) Kekangan/Cadangan

20. Kegagalan Ketua Projek menghantar Borang Laporan Prestasi Penyelidikan akan mengakibatkan status projek ditukar kepada **“Ditahan”** iaitu Ketua Projek tidak boleh membuat tuntutan *Article Processing Charge* (APC) dan semua perbelanjaan akan disekat.
21. Bagi DP-KPT, Ketua Projek perlu menghantar laporan prestasi/akhir beserta bukti yang lengkap melalui sistem MyGrants bagi tujuan semakan dan penilaian dalaman oleh PPP sebelum laporan tersebut dihantar ke KPT.
22. PPP akan mengeluarkan notis peringatan bagi penghantaran borang laporan prestasi penyelidikan kepada Ketua Penyelidik dalam **tempoh satu (1) bulan** sebelum tarikh pemantauan berdasarkan kepada kalendar yang dirancang pada tahun tersebut atau tertakluk kepada keperluan pemberi dana.
23. Ketua Projek perlu mendapatkan perakuan sokongan dan ulasan daripada Timbalan Dekan (Bakat dan Penyelidikan) Fakulti/Timbalan Pengarah Institut sebelum dihantar ke PPP.
24. PPP akan mengeluarkan notis jemputan pembentangan kepada Ketua Projek dan kepada Panel Penilai yang dilantik (sekiranya perlu).
25. Penetapan **kriteria penilaian** adalah seperti berikut;
 - a) Prestasi projek mengikut carta perbatuan yang dirancang; dan
 - b) Prestasi perbelanjaan (bagi Projek 2 Tahun)

Tahun Pertama		Tahun Kedua	
Kitaran 1	Kitaran 2	Kitaran 3	Kitaran 4
25%	50%	75%	100%

 - c) Lantikan GRA/RA perlu dibuat dalam **tempoh enam (6) bulan dari tarikh mula projek penyelidikan**. Sila rujuk para 19.(c).
26. Keputusan pemantauan oleh panel yang dilantik akan diputuskan di JKPU. Semua pelaporan atau pembentangan yang dinilai tahap kemajuan projek akan diberi keputusan pencapaian seperti berikut:

Bil	Keputusan Pemantauan	Status Laporan
1	DITAHAN (DTH)	Tidak menghantar laporan kemajuan
2	BAIK (B)	- Pencapaian melebihi prestasi minimum - Carta Perbatuan; DAN - Kewangan; DAN - Bakat (lantik 6 bulan dari tempoh mula projek)

3	MEMUASKAN (M)	- Pencapaian prestasi minimum - Carta Perbatuan; DAN - Kewangan; DAN - Bakat (lantik 6 bulan dari tempoh mula projek)
4	KURANG MEMUASKAN (KM)	- Tidak mencapai sasaran carta perbatuan; ATAU lewat mengikut jadual carta perbatuan; ATAU - Tidak mencapai prestasi perbelanjaan seperti yang ditetapkan; ATAU - Tidak melantik GRA/RA di dalam tempoh yang dinyatakan oleh pemberi dana, sekiranya ada
5	BERMASALAH (BM)	- Tidak mencapai sasaran; - Carta Perbatuan; DAN - Kewangan; DAN - Bakat
6	DITAMATKAN (DT)	- Menerima dua kali status BERMASALAH; ATAU - Tidak menyelesaikan penyelidikan (tidak mencapai keseluruhan carta perbatuan) di dalam tempoh yang ditetapkan atas sebab-sebab yang tidak dinyatakan secara jelas
7	PROJEK TAMAT (PT) (END OF PROJECT)	- Menyelesaikan penyelidikan (mencapai keseluruhan carta perbatuan di dalam tempoh yang ditetapkan. - Ketua Projek dikehendaki menghantar laporan akhir dalam tempoh tiga (3) bulan setelah projek penyelidikan tamat.

LAPORAN AKHIR

27. Ketua Projek bertanggungjawab untuk melengkapkan dan menghantar **Borang Laporan Akhir Penyelidikan** bagi proses pemantauan dan perlu melampirkan bukti-bukti berkaitan seperti;
 - a) Profil Penyelidikan yang merangkumi pengenalan, sorotan kajian, metodologi dan lain-lain berkaitan (maksima 5 muka surat) – rujuk *Template Research Profile*;
 - b) Bukti penerbitan (*Indexing bodies*, Penghargaan);
 - c) Bakat GRA dan RA;
 - d) Surat daftar Harta Intelek;
 - e) Borang Pengisytiharan Pemilikan Aset Penyelidikan

- f) Lain-lain dokumen tertakluk kepada ketetapan garis panduan geran penyelidikan dan pemberi dana sepertimana berikut;
- i. Infografik Hasil Penyelidikan;
 - ii. Video Penyelidikan;
 - iii. Poster;
 - iv. Slide/Power Point.
28. Laporan Akhir perlu melaporkan pencapaian keseluruhan yang merangkumi **output** penyelidikan mengikut geran penyelidikan yang telah dipersetujui seperti;
- a) Artikel dalam jurnal terindeks;
 - b) Bakat;
 - c) Prototaip yang berfungsi;
 - d) Harta Intelek.
29. Implikasi bagi Ketua Projek yang gagal menghantar Borang Laporan Akhir adalah Ketua Projek tidak boleh memohon geran DP-UMT yang baharu dan APC.
30. Bagi DP-KPT, Ketua Projek perlu menghantar laporan akhir beserta bukti yang lengkap melalui sistem MyGrants bagi tujuan semakan dan penilaian dalaman oleh PPP sebelum laporan tersebut dihantar ke KPT.
31. Timbalan Dekan (Bakat dan Penyelidikan) Fakulti/Timbalan Pengarah Institut perlu memastikan Ketua Projek mengemukakan Borang Laporan Akhir beserta bukti pencapaian KPI dan memperakukan dokumen tersebut sebelum dihantar ke PPP.
32. PPP juga boleh menjemput Ketua Projek untuk memberi pembentangan laporan, sekiranya perlu.
33. PPP berhak untuk tidak membenarkan kumpulan penyelidik membuat pembentangan bergantung kepada situasi semasa.
34. Keputusan pemantauan bagi Laporan Akhir Penyelidikan oleh panel yang dilantik akan diputuskan di JKPU. Laporan Akhir Penyelidikan akan dinilai tahap pencapaian KPI dengan keputusan pencapaian seperti berikut:

Bil	Keputusan Pemantauan	Status Projek
1	TAMAT. DITAHAN	Projek telah tamat tetapi tidak menghantar laporan akhir @ Tidak menghantar Borang Kemaskini Hasil Penyelidikan.

2	TAMAT. TIDAK MENCAPAI KPI	Projek telah selesai dan tidak mencapai KPI.
3	TAMAT. MENCAPAI KPI. TUTUP	Projek telah selesai dan mencapai KPI.
4	TAMAT. TIDAK MENCAPAI KPI. TUTUP	Projek telah selesai dan tidak mencapai KPI (di dalam tempoh yang ditetapkan) akan dikenakan kawalan penalti.

KEMASKINI HASIL PENYELIDIKAN

35. Ketua Projek akan diberi **tempoh dua (2) tahun selepas projek tamat** untuk menyelesaikan semua KPI yang telah dijanjikan seperti penerbitan dalam jurnal terindeks, bakat (pelajar bergraduasi) dan harta intelek.
36. Sekiranya selepas tempoh tersebut, KPI masih belum diselesaikan, Ketua Projek dan Penyelidik Bersama akan disenaraihitam bagi memohon geran dalaman yang baharu dan tidak boleh menuntut bayaran yuran jurnal artikel (APC). Tempoh bagi Ketua Projek selama dua (2) tahun dan Penyelidik Bersama selama satu (1) tahun.

PENCAPAIAN HASIL PENYELIDIKAN

37. Pencapaian hasil penyelidikan atau dikenali sebagai KPI adalah tertakluk kepada setiap jenis geran penyelidikan.
38. Pencapaian objektif dan output (penerbitan dalam jurnal terindeks/bakat/harta intelek) mestilah;
 - a) Memenuhi KPI yang dipersetujui dalam proposal yang diluluskan walaupun ianya melebihi daripada KPI minimum dalam Garis Panduan Geran Penyelidikan; dan
 - b) Sekiranya KPI yang dijanjikan dalam proposal yang diluluskan lebih rendah dari syarat minimum KPI dalam garis panduan Geran Penyelidikan, maka syarat minimum KPI dalam garis panduan Geran Penyelidikan WAJIB dipenuhi.
39. PPP telah menetapkan kriteria-kriteria bagi pengesahan pencapaian output yang melibatkan penerbitan dalam jurnal terindeks, bakat dan harta intelek di dalam Garis Panduan Penyelidikan setiap geran;

A. HASIL KESARJANAAN PENYELIDIKAN (SCHOLARLY RESEARCH OUTPUT)

I) PENERBITAN

Artikel dalam Jurnal Terindeks

40. Kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut;

- A. Penerbitan dalam jurnal terindeks SCOPUS/WOS/ERA bagi semua geran (bilangan jurnal tertakluk pada Garis Panduan Geran Penyelidikan PPP). Di samping itu, salah satu jurnal yang diindeks (SCOPUS/WOS/ERA) perlu juga disenaraikan di dalam MyCITE;
- B. Untuk artikel jurnal terindeks dalam WOS, artikel tersebut perlulah sama ada tersenarai dalam *Science Citation Index Expanded (SCIE)*, *Social Sciences Citation Indeks (SSCI)* atau *Arts & Humanities Citation Indeks (AHCI)*;
- C. Artikel dalam jurnal terindeks perlu berstatus *published* atau sekurang-kurangnya telah mempunyai DOI (berkuatkuasa bagi geran yang diterima pada tahun 2022);
- D. Penerbitan dalam jurnal terindeks perlu lengkap dengan penghargaan kepada Pemberi Dana (**iaitu merangkumi Nama Pemberi Dana, Nama Geran, Tahun Geran Diterima dan No Vot**) bagi geran yang diterima pada 2022 dan ke atas. Cth: **(UMT/TAPE-RG-2023/55021)** dan **(FRGS/1/2023/STG06/UMT/02/4)**;
- E. Jika penghargaan diberikan kepada lebih dari satu geran penyelidikan di bawah DP-UMT, artikel jurnal tersebut akan diambil kira sebagai output bagi **projek penyelidikan yang diberi penghargaan pertama**. Ini bagi geran yang diterima pada tahun 2022 dan ke atas;
- F. Jika penghargaan diberikan kepada lebih dari satu pemberi dana (Kementerian/Agensi yang berbeza), Ketua Projek perlu **menyatakan pemberi dana terbesar untuk penghargaan pertama**, dan seterusnya kepada pemberi dana yang lain. Jurnal tersebut akan diambil kira sebagai output jika penghargaan pertama yang dinyatakan adalah kepada geran DP-UMT. Ini bagi geran yang diterima pada tahun 2022 dan ke atas; dan
- G. Penerbitan artikel dalam jurnal terindeks yang melibatkan **penulis bersama dari kalangan pihak industri/swasta/NGO/antarabangsa** adalah diwajibkan.

Lain-lain penerbitan tambahan

H. Lain-lain penerbitan yang tidak dinyatakan dalam proposal atau syarat minimum geran merangkumi buku penyelidikan, bab dalam buku penyelidikan, kertas polisi, kajian kes, laporan teknikal, artikel di dalam majalah, surat khabar, karya asli, penerbitan daripada persidangan, digital atau media cetak adalah merujuk kepada kriteria yang dinyatakan dalam 'Glosari Malaysia Research Assessment (MyRA)' terkini.

II) BAKAT

41. Kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut;

a) KPI Bakat merupakan Pelajar Bergraduasi iaitu salah satu daripada lantikan berikut;

Lantikan/Status	Syarat yang perlu dipatuhi
Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	- GRA mestilah dilantik dan dibiayai oleh geran DP-UMT semasa tempoh projek penyelidikan aktif; - Tempoh lantikan GRA perlu di dalam tempoh projek (GRA perlu dilantik dalam tempoh 6 bulan dari tempoh projek mula) dan hendaklah bergraduasi (walaupun di luar tempoh penyelidikan); dan - Skop penyelidikan dan tajuk tesis GRA mestilah berkaitan dengan projek penyelidikan yang diluluskan.
Pembantu Penyelidik (RA)	- RA mestilah dilantik dan dibiayai oleh geran DP-UMT semasa tempoh projek penyelidikan aktif; - Tempoh lantikan RA perlu di dalam tempoh projek; - Lantikan perlu dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tempoh projek mula.
Pelajar yang dibiayai dari sumber lain (GRA/RA)	- Pelajar tajaan atau dibiayai dari sumber lain selain projek penyelidikan; - Pengesahan daripada badan yang memberi tajaan kepada pelajar; - Tempoh keterlibatan pelajar dalam penyelidikan adalah dalam tempoh projek aktif (GRA/RA perlu dilantik dalam tempoh 6 bulan dari tempoh projek mula) dan perlu bergraduasi (walaupun di luar tempoh penyelidikan).

b) GRA yang dilantik mestilah bukan Ketua Projek/penyelidik bersama yang sedang menyambung pengajian atau cuti belajar;

c) GRA yang menjalankan mod penyelidikan bagi pengajian sepenuh masa;

- d) GRA mestilah menjalankan pengajian yang berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan;
- e) GRA/RA mestilah diselia oleh Ketua Projek atau Penyelidik Bersama (selaku penyelia utama) dalam penyelidikan tersebut;
- f) Penyelidikan dan penghasilan bakat mestilah dilakukan dalam negara; dan
- g) Pelaporan GRA/RA mestilah disertakan dengan dokumen seperti surat lantikan GRA/RA, surat melanjutkan pengajian, surat tamat pengajian dan lain-lain yang berkaitan sebagai pembuktian kepada PPP.

III) HARTA INTELEK

(Bagi skim geran yang mewajibkan harta intelek sebagai hasil penyelidikan)

- 42. Kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut;
 - a) Harta Intelek (IP) yang diambil kira mestilah berkaitan dengan penyelidikan semasa. Cth: hak cipta/paten/cap dagang/reka bentuk industri/tanda perlindungan geografi dan rahsia niaga.
 - b) Hasil IP yang difailkan perlu dibuktikan;
 - c) Harta Intelek yang dihasilkan daripada geran penyelidikan UMT menjadi hak milik bersama UMT; dan
 - d) Pengurusan harta intelek adalah menjadi tanggungjawab Ketua Projek.
- 43. Sebarang pencapaian terkini berkaitan bakat, penerbitan dan IP perlu dilaporkan oleh Ketua Projek dari semasa ke semasa walau pun projek telah tamat.

B. SERAHAN PENYELIDIKAN (RESEARCH DELIVERABLES)

- 44. Serahan penyelidikan (*research deliverables*) yang dipersetujui oleh pemberi dana seperti:
 - a) Instrumen
 - b) Produk untuk dikomersilkan
 - c) Produk yang dikomersilkan
 - d) Sistem
 - e) Perisian
 - f) Data
 - g) Video/Infografik
 - h) Lain-lain yang ditetapkan oleh pemberi dana

C. IMPAK KEPADA QUADRUPLE HELIX (IMPACTS TO QUADRUPLE HELIX)

45. Hasil penyelidikan yang menghasilkan *outcome* berimpak kepada komuniti, industri, akademik, kerajaan dan persekitaran.

DATA/ASET PENYELIDIKAN

46. Data/Aset penyelidikan ialah semua jenis maklumat yang dikumpulkan oleh penyelidik untuk melengkapkan sesebuah penyelidikan. Data/Aset yang dimaksudkan ini merangkumi semua penerbitan, data yang digunakan untuk menghasilkan penerbitan, data penting yang tidak diterbitkan (misalnya *bioresources*/pangkalan data) serta data mentah.
47. Pengumpulan dan pengurusan data/aset penyelidikan adalah di bawah tanggungjawab Ketua Projek. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Projek untuk memastikan data/aset penyelidikan ini disimpan dengan baik di PTJ masing-masing semasa tempoh projek aktif dan juga selepas projek telah tamat.
48. Data/aset penyelidikan tersebut adalah menjadi hak milik bersama pemberi dana.

KAWALAN DAN PENALTI

49. PPP akan memantau pelaksanaan projek-projek penyelidikan berdasarkan proposal yang telah diluluskan serta mematuhi pekeliling, garis panduan dan prosedur yang ditetapkan oleh Universiti Malaysia Terengganu.
50. Ketua Projek dan Penyelidik Bersama boleh dikenakan **penalti** sekiranya gagal mematuhi perkara seperti berikut:
- a) Tidak menghantar Borang Laporan Prestasi Penyelidikan (pada tarikh yang telah ditetapkan oleh PPP);
 - b) Tidak hadir pembentangan prestasi tanpa justifikasi yang kukuh (sekiranya perlu);
 - c) Tidak menghantar Borang Laporan Akhir (pada tarikh yang telah ditetapkan oleh PPP);
 - d) Tidak mencapai KPI/jangkaan hasil penyelidikan yang dipersetujui;
 - e) Tidak hadir pembentangan laporan akhir tanpa justifikasi yang kukuh (sekiranya perlu); dan
 - f) Tidak menyelesaikan penyelidikan atas sebab-sebab yang tidak dinyatakan secara jelas dan tiada surat pemakluman kepada PPP.

51. PPP/TD (Bakat dan Penyelidikan) Fakulti/Timbangan Pengarah Institut akan mengadakan sesi intervensi kepada Ketua Projek sebagai peringatan sebelum tindakan penalti dikenakan.
52. Tindakan penalti yang wajar dikenakan kepada **Ketua Projek** dan **Penyelidik Bersama** adalah seperti berikut;
 - a. Bagi perkara 50.(a) dan 50.(b) : Keputusan Ditahan
 - b. Bagi perkara 50.(c) dan 50.(f) : Keputusan Ditamatkan
 - c. Bagi perkara 50.(d) : Keputusan Tamat.Tidak Mencapai KPI. Tutup
53. Bagi **keputusan Ditahan**, geran Ketua Projek akan dibekukan sehingga Borang Laporan Prestasi Penyelidikan/Akhir diterima oleh PPP. Ketua Projek tidak boleh membuat sebarang bentuk transaksi perbelanjaan dan membuat tuntutan bayaran yuran penerbitan jurnal artikel (APC).
54. Sekiranya Borang Laporan Prestasi Penyelidikan diterima oleh PPP setelah projek tamat, PPP tidak akan membuat sebarang pertimbangan bagi segala tuntutan perbelanjaan oleh Ketua Projek.
55. Mana-mana penyelidik yang dikenakan penalti, mereka **tidak dibenarkan memohon DP-UMT** dan **APC** iaitu bagi Ketua Projek dalam tempoh dua (2) tahun dan penyelidik bersama dalam tempoh satu (1).
56. Ketua Projek yang berbelanja melebihi had yang diluluskan adalah merupakan kecuai sendiri dan perlu membayar semula wang yang dibelanjakan.
57. PPP perlu membawa pemakluman berhubung projek yang terlibat dalam kes-kes di **para 50** yang merangkumi maklumat projek, kegagalan mencapai KPI, penamatan projek, kronologi tindakan-tindakan yang telah diambil serta dokumen sokongan untuk dibawa ke JKOP dan JKPU. Keputusan muktamad adalah tertakluk kepada JKPU.
58. Ketua Projek juga bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan boleh dikenakan tindakan oleh JKPU sekiranya didapati berlakunya ketidakpatuhan. JKPU berhak menentukan lain-lain langkah kawalan dan penalti yang wajar diambil.

PENAMATAN PROJEK (SEBELUM TARIKH PROJEK TAMAT).

59. Kuasa penamatan projek adalah di bawah bidang kuasa JKPU. Proses pertimbangan penamatan adalah di peringkat PPP. Antara kriteria projek yang boleh ditamatkan ialah;

a) Penyelidikan yang sama telah dijalankan di bawah geran/projek

- penyelidikan lain;
 - b) Projek penyelidikan bermasalah dan tidak dapat diteruskan;
 - c) Ketua Projek dan semua penyelidik bersama menarik diri daripada menjalankan projek penyelidikan; dan
 - d) Projek penyelidikan yang tidak membuat sebarang perbelanjaan setelah setahun pelaksanaan.
60. Ketua Projek dan penyelidik bersama tidak dibenarkan menarik diri sejurus projek diluluskan. Sekiranya ini berlaku, Ketua Projek dan penyelidik bersama boleh dikenakan penalti, iaitu mereka **tidak dibenarkan memohon DP-UMT dan APC**, bagi Ketua Projek dalam tempoh dua (2) tahun dan penyelidik bersama dalam tempoh satu (1).
61. Permohonan daripada Ketua Projek untuk menarik diri dari meneruskan penyelidikan perlu mendapat kelulusan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan dikemukakan ke PPP untuk tindakan seterusnya.

PENANGGUHAN PROJEK

62. Ketua Projek dibenarkan memohon penangguhan projek penyelidikan dengan memberikan justifikasi yang kukuh (Cth: perlukan masa bagi menyiapkan *hatchery*)
63. Permohonan perlu dilakukan sekurang-kurangnya **satu (1) bulan** sebelum tarikh cadangan projek penyelidikan ditangguhkan.
64. Tempoh penangguhan maksimum adalah **selama enam (6) bulan**. Tempoh penangguhan tidak akan diambil kira sebagai sebahagian dari tempoh keseluruhan geran penyelidikan aktif.

PENAHANAN PROJEK

65. Kegagalan Ketua Projek menghantar Borang Laporan Prestasi Penyelidikan dan Borang Laporan Akhir Penyelidikan akan membawa kepada penahanan geran.
66. Sekiranya kegagalan tersebut melibatkan Borang Laporan Prestasi Penyelidikan, maka status penyelidikan bagi projek tersebut akan ditukar kepada keputusan "**Ditahan**". Rujuk para 53.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

67. Peranan dan tanggungjawab setiap pihak terlibat adalah seperti berikut;

A. KETUA PROJEK

- Membuat permohonan;
- Membuat pembentangan;
- Memastikan fail projek penyelidikan disediakan sendiri oleh Ketua Projek di PTj masing-masing dan sentiasa dikemaskini dengan dokumen-dokumen berkaitan;
- Mengurus atau/dan menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan;
- Mengurus dan memantau penyelidik bersama dalam penyelidikan;
- Mendapatkan kelulusan etika (sekiranya penyelidikan berkaitan manusia/haiwan/dan lain-lain tertakluk pada prosedur dan akta yang berkaitan);
- Memastikan pelantikan GRA/RA (penghasilan bakat) dilaksanakan dalam 6 bulan pertama projek;
- Memastikan perancangan dan pelaksanaan perbelanjaan mengikut tatacara kewangan UMT;
- Memastikan keberhasilan penyelidikan (output/outcome) mengikut cadangan penyelidikan yang telah dipersetujui; dan
- Menghantar Borang Laporan Prestasi Penyelidikan dan Borang Laporan Akhir Penyelidikan seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan pemantauan kepada PPP.

B. PENYELIDIK BERSAMA

- Menyumbang secara aktif dalam projek penyelidikan bagi mencapai objektif penyelidikan;
- Membantu penyediaan laporan prestasi dan laporan akhir; dan
- Mematuhi etika penyelidikan mengikut bidang masing-masing tertakluk kepada apa-apa kaedah dan peraturan Universiti.

C. TIMBALAN DEKAN (BAKAT DAN PENYELIDIKAN)/TIMBALAN PENGARAH

- Menyelia prestasi penyelidikan (carta perbatuan/kewangan/bakat dan jangkaan hasil penyelidikan) mengikut proposal yang telah diluluskan.
- Melakukan intervensi kepada Ketua Projek yang Bermasalah dan Kurang Memuaskan.

D. PANEL PENILAI

- Menilai dan memperakukan pemantauan di dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- Memaklumkan justifikasi secara terperinci bagi status pemantauan **Bermasalah** dan **Kurang Memuaskan**;

- Menilai prestasi projek penyelidikan;
- Memberi cadangan dan saranan bagi kelangsungan projek berdasarkan kepada prestasi projek dan kewangan;
- Memberi cadangan penambahbaikan proses penilaian dan pemantauan geran penyelidikan kepada PPP; dan
- Menjaga etika dan kerahsiaan permohonan (Akta Kerahsiaan).

E. PEJABAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (PPP)

- Memudah cara dan memudah selia aktiviti pemantauan geran penyelidikan seperti yang termaktub di dalam Garis Panduan Pemantauan DP-UMT;
- Memberi taklimat pengurusan penyelidikan kepada warga akademik;
- Mengenal pasti, melantik dan melatih panel penilai dalaman berdasarkan kepakaran yang berkaitan bidang masing-masing. Panel penilai boleh dilantik daripada kalangan Profesor Madya dan Profesor yang berjawatan kontrak/tetap di UMT;
- Menguruskan proses penilaian pemantauan secara telus sebelum dimuktamadkan di JKPU; dan
- Memantau kemajuan penyelidikan selaras dengan Garis Panduan Pemantauan DP-UMT.

F. FAKULTI/INSTITUT

- Memberi taklimat pengurusan penyelidikan kepada warga akademik;
- Mengurus aset yang dibeli melalui peruntukan geran penyelidikan mengikut prosedur dan tatacara kewangan UMT; dan
- Mengendalikan latihan berkaitan penyelidikan dan inovasi secara berterusan.

INTEGRITI DAN ETIKA PENYELIDIKAN




68. Penyelidikan beretika mesti diamalkan bagi menghasilkan penyelidikan yang asli dan berkualiti. Penyelidikan perlu berpandukan kepada budaya penyelidikan yang baik seperti berikut;
- a) Menjalankan penyelidikan secara jujur dan berintegriti (termasuk mengelakkan *conflict of interest*);
 - b) Menghormati subjek penyelidikan (manusia, haiwan, persekitaran) yang digunakan;
 - c) Menggunakan dana secara berhemah; dan
 - d) Mengiktiraf peranan dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan.

69. Salah laku dalam penyelidikan yang mesti dielakkan adalah seperti berikut;
- a) Melaporkan dapatan kajian secara tidak jujur termasuk mereka-reka data, mengubah suai data, kecuaiian dalam pengumpulan dan analisa data, melaporkan sebahagian dapatan dan memanipulasi data bagi tujuan penipuan;
 - b) Memalsukan dan menyeleweng penyelidikan termasuk kemajuan penyelidikan, membuat kenyataan yang keterlaluan dan mengetepikan laporan kajian terdahulu;
 - c) Menyalahguna dana penyelidikan atau tidak mengikut tatacara perolehan dan kewangan yang telah ditetapkan;
 - d) Menyalahguna data dan dapatan penyelidikan untuk tujuan negatif;
 - e) Memplagiat hasil kerja orang lain, mengambil tanpa izin keputusan dan kaedah penyelidik lain, mengabaikan sumbangan signifikan penyelidik lain, meniru penulisan penyelidik lain tanpa memberi penghargaan;
70. Ketua projek dan pihak fakulti/institut juga perlu mematuhi perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam 'Malaysia Code of Responsible Conduct in Research (MCRCR)' seperti pautan <https://www.akademisains.gov.my/asm-publication/the-malaysian-code-of-responsible-conduct-in-research-2nd-edition/>

CARTA ALIR PEMANTAUAN

PROSES KERJA 1: PEMANTAUAN LAPORAN PRESTASI – PROJEK AKTIF

BIL	PROSES KERJA	CARTA ALIR	RUJUKAN/ BORANG
		MULA	
1.	PPP Menghantar notis penghantaran Borang Laporan Prestasi sebulan (1) sebelum pemantauan dilakukan kepada ketua projek.	1	- Borang Laporan Prestasi Penyelidikan. - Status kewangan mengikut fasa yang dipantau. - Senarai tindakan untuk Ketua Projek
2.	KETUA PROJEK Mengisi Borang Laporan Prestasi dan menghantar kepada Timbalan Dekan (Bakat dan Penyelidikan)/Timbalan Pengarah untuk perakuan.	2	Borang Laporan Prestasi Penyelidikan berserta bukti hasil penyelidikan
3.	TIMBALAN DEKAN (BAKAT DAN PENYELIDIKAN)/TIMBALAN PENGARAH - Menyemak, memperakukan dan membuat ulasan pada Borang Laporan Prestasi Penyelidikan yang dikemukakan oleh Ketua Projek. - Menghantar borang tersebut ke PPP	3	Borang Laporan Prestasi Penyelidikan berserta bukti hasil penyelidikan
4.	PPP - Membuat semakan lengkap / tidak lengkap pada Borang Laporan Prestasi Penyelidikan. - Membuat pemantauan kali pertama - Bagi keputusan Kurang Memuaskan dan Bermasalah akan diadakan pemantauan seterusnya dengan panel pemantauan. Nota: Sekiranya tidak lengkap, perlu dikembalikan kepada Ketua Projek. - Mendapatkan nama panel pemantauan dari Ketua Domain (sekiranya perlu). - Menghantar notis jadual pemantauan dan borang kehadiran pemantauan kepada Ketua Projek dan Panel Penilai. - Memuat naik dokumen (<i>proposal</i>, Borang Laporan Penilaian Prestasi, Borang Laporan Prestasi Penyelidikan, jadual pemantauan, garis panduan geran, status keputusan pemantauan yang lepas) untuk rujukan Panel Penilai (sekiranya online) - Melaksanakan sesi pemantauan	4	- Notis jemputan Panel Penilai dan Pembentang - Borang Kehadiran - Format pembentangan - NDA kepada Panel Penilai - Jadual Pemantauan - Borang Laporan Prestasi Penyelidikan - Borang Pemantauan Prestasi Penyelidikan - Garis Panduan Geran yang dipantau - Proposal yang diluluskan - Status Kewangan mengikut Fasa yang dipantau - Keputusan Pemantauan yang lepas
		S1	

BIL	PROSES KERJA	CARTA ALIR	RUJUKAN/ BORANG
			
5.	KETUA PROJEK Menghadiri pembentangan Laporan Prestasi (sekiranya perlu). Nota: Penyelidik Bersama perlu menghadiri sesi pemantauan sekiranya Ketua Projek tidak dapat hadir		- Slide pembentangan beserta bukti hasil penyelidikan - Borang Kehadiran
6.	PANEL PENILAI - Menilai dan memperakukan Borang Penilaian Prestasi Penyelidikan. - Membuat rekomendasi keputusan pemantauan yang sewajarnya berdasarkan kepada <i>proposal</i> yang diluluskan.		Borang Penilaian Prestasi Penyelidikan
7.	PPP - Membuat semakan bagi keputusan pemantauan yang diperakukan oleh Panel Penilai - Menyediakan kertas cadangan keputusan ke JKOP dan JKPU untuk meneliti, dan membuat keputusan meluluskan atau melakukan pindaan kepada cadangan keputusan pemantauan oleh panel penilai. - Menghantar keputusan pemantauan kepada Ketua Projek dan disalinkan kepada TD (B&P)/TP PTj. Nota: TD (B&P)/TP PTj perlu membuat '<i>close monitoring</i>' kepada Ketua Projek yang mendapat keputusan Bermasalah atau Kurang Memuaskan dan melaporkan prestasi beliau ke JKOP.		- Kertas cadangan keputusan penilaian untuk dibawa ke JKOP dan JKPU - Surat keputusan pemantauan
			

PROSES KERJA 2: PEMANTAUAN LAPORAN AKHIR/HASIL PENYELIDIKAN – PROJEK TAMAT

BIL	PROSES KERJA	CARTA ALIR	RUJUKAN/ BORANG
		MULA	
1.	PPP Menghantar notis penghantaran Borang Laporan Akhir/Borang Kemaskini Hasil Penyelidikan sebulan (1) bulan sebelum pemantauan dilakukan kepada ketua projek.	1	- Borang Laporan Akhir Penyelidikan/Borang Kemaskini Hasil Penyelidikan. - Senarai tindakan untuk Ketua Projek
2.	KETUA PROJEK Mengisi Borang Laporan Akhir/Borang Kemaskini Hasil Penyelidikan dan menghantar kepada Timbalan Dekan (Bakat dan Penyelidikan)/Timbalan Pengarah untuk perakuan.	2	Borang Laporan Akhir Penyelidikan/ Borang Kemaskini Hasil Penyelidikan berserta bukti hasil penyelidikan
3.	TIMBALAN DEKAN (BAKAT DAN PENYELIDIKAN)/TIMBALAN PENGARAH - Menyemak, memperakukan dan membuat ulasan pada Borang Laporan Akhir/Borang Kemaskini Hasil Penyelidikan Penyelidikan yang dikemukakan oleh Ketua Projek. - Menghantar borang tersebut ke PPP	3	Borang Laporan Akhir Penyelidikan/ Borang Kemaskini Hasil Penyelidikan berserta bukti hasil penyelidikan
